

BAB VII CADANGAN-CADANGAN, PROSPEK DAN KESIMPULAN

A. Pendahuluan

Sebagai sebuah institut pengajian tinggi yang tertua di Malaysia, Universiti Malaya sewajarnya dapat memainkan peranan yang penting dalam perkembangan ke arah kecemerlangan sukan. Peranan ini bukan hanya dimainkan oleh Pusat Sukan tetapi juga oleh komponen-komponen yang lain seperti Pentadbiran Universiti, Pentadbiran Fakulti, Pentadbiran Asrama dan pelajar-pelajar.

Dalam bab ini, saya akan mengemukakan cadangan-cadangan mengenai peranan yang boleh dimainkan oleh setiap komponen untuk membantu mentadbir dan membangunkan kegiatan sukan mengikut falsafah dan matlamat Pusat Sukan dapat dicapai. Interaksi yang baik di antara pelbagai komponen ini adalah perlu agar peranan yang dimainkan oleh setiap komponen dapat berjalan dengan lancar. Dalam hal ini, Pusat Sukan perlu menjadi satu sistem interaksi yang dinamik, kreatif, bertanggungjawab dan saling sokong-menyokong antara komponen-komponen itu.

Di samping itu bab ini juga akan melihat prospek pentadbiran dan pembangunan sukan dari segi pemakanan sukan, pengurusan sukan, penyelidikan sukan, psikologi sukan, dan perubatan sukan. Akhir sekali kesimpulan menyeluruh akan dibuat sebagai penutup kepada latihan ilmiah ini.

B. Cadangan-cadangan

Cadangan-cadangan yang akan dikemukakan mempunyai pertindihan di antara satu komponen dengan komponen yang lain. Ini menunjukkan betapa pentingnya interaksi yang baik di antara komponen-komponen itu agar peranan masing-masing dapat dilaksanakan dengan sempurna.

1. Peranan Pentadbiran Universiti

Pentadbiran Universiti sewajarnya menjadi pivot di dalam perkembangan kecemerlangan sukan. Berikut dikemukakan beberapa langkah yang perlu diambil oleh pihak tersebut :

a. Menganjurkan peralihan sikan masyarakat daripada tumpuan yang keterlaluan kepada pendidikan yang berorientasikan peperiksaan.

Universiti Malaya sebagai universiti tertua di negara ini patut mengambil inisiatif untuk mendesak kerajaan melalui Kementerian Pendidikan merombak sistem pendidikan supaya menjadi satu aspek kurikulum yang penting. Dengan ini suatu sistem pendidikan yang tidak memberi penekanan penuh kepada pelajaran akademik akan dapat diwujudkan.

Ini adalah perlu memandangkan pelajar-pelajar yang memasuki era-persekolahan lazimnya terdiri daripada dua golongan iaitu golongan yang mempunyai aptitude akademik dan golongan yang tidak mempunyai aptitude akademik.

Sistem yang ada sekarang banyak memberi perhatian hanya kepada pelajaran akademik sahaja. Ini adalah tidak adil kepada pelajar-pelajar yang mempunyai pelbagai kemahiran lain seperti bakat bersukan. Dalam konteks mengembangkan bakat sukan, sekolah-sekolah yang memberi perhatian secara serius kepada pendidikan jasmani adalah penting. Sejak di peringkat kecemerlangan, Pencapaian akademik mereka juga perlu dijaga supaya mereka tidak ketinggalan mendapat sekurang-kurangnya kelulusan minima di dalam peperiksaan.

Universiti pada dasarnya mengutamakan perkembangan intelek dan ini bermakna hanya segolongan kecil sahaja yang akan menuntut di universiti. Pelajar sekolah yang mempunyai potensi dalam bidang sukan tidak begitu ghairah tentang pelajaran akademiknya. Dalam sistem yang ada sekarang mereka dianggap sebagai murid-murid yang terclair. Ini kerana orang sekali mereka dapat mencapai keputusan yang baik dalam peperiksaan. Kejayaan mereka dalam sukan tidak dapat menjamin keputusan peperiksaan baik atau mendapatkan tempat di universiti.

Bila sistem pendidikan tidak mengiktiraf kebolehan mereka ini, maka ibu bapa akan mendesak anaknya supaya meninggalkan aktiviti-aktiviti sukan dan memaksanya menumpukan perhatian hanya kepada akademik. Pelajar yang kemungkinannya tidak mempunyai aptitude akademik akan terus memperolehi kegagalan. Keadaan ini seolah-olah mendiskriminasikan pelajar-pelajar itu.

Sistem pendidikan seharusnya memberi makna kepada pelajar-pelajar bukan menekan mereka. Ia sepatutnya merupakan suatu proses untuk mengembangkan personaliti dan potensi pelajar-pelajar sama potensi akademik atau potensi dalam bidang lain. Dengan perkembangan bidang sukan sebagai satu bidang profesional maka tidak ada sebab mengapa sukan tidak seharusnya dianggap salah satu sistem potensi yang perlu dipupuk.

Pelajar-pelajar yang layak diasah untuk menjadi ahli sukan yang cemerlang tidak sepatutnya dibebankan dengan banyak mata pelajaran guaman. Mereka hanya memerlukan 3M (membaca, menulis dan mengira), pengetahuan am, tatasusila sosial dan satu kemahiran vokasional supaya selepas bersara daripada sukan mereka masih ada suatu iktisak lain.

Dengan ini murid-murid sekolah yang cemerlang dalam pelajaran sukan tidak akan terdedah kepada tekanan memasuki universiti berdasarkan kebolehan cemerlang mereka di dalam sukan dan mempunyai sekurang-kurangnya kelayakan kepada murid-murid sekolah ini supaya mendapat peluang yang dianggap adil ini.

Dengan terlaksananya cadangan tersebut akan wujud tiga kelas pelajar di universiti iaitu :

- a. Pelajar yang cemerlang dalam sukan tetapi hanya mempunyai kelayakan minima. Golongan ini akan ditempatkan di fakulti mengikut kelayakan mereka. Pencapaian mereka dalam sukan akan mempengaruhi keputusan peperiksaan mereka. Kaedah seperti ini telah pun dicuba di Korea Selatan sewaktu Sukan Asia 1990 di Beijing, China. Seluruh pasukan bola sepak Korea Selatan terdiri daripada pelajar-pelajar universiti. Keputusan peperiksaan mereka berdasarkan prestasi permainan mereka. Setelah mendapat ijazah mereka akan menjadi pemain-pemain profesional.
- b. Pelajar yang cemerlang dalam sukan dan akademik. Oleh kerana golongan ini memikul beban dwifungsi maka peruntukan tambahan seperti kemasukan biasiswa universiti dan pengiktirafan mengenai kecemerlangan sukan di dalam sijil ijazah mereka.
- c. Pelajar yang cemerlang dalam akademik tetapi tidak dalam sukan. Walaupun kumpulan ini tidak aktif dalam sukan mereka juga harus digalakkan untuk bergiat sekurang-kurangnya di peringkat asrama atau untuk rekreasi.

Satu fenomena yang melanda Universiti Malaya ialah pelajar-pelajar yang cemerlang di dalam sukan di sekolah melenyapkan diri bila memasuki universiti. Pelbagai sebab seperti tekanan akademik, persyarahan tidak mengizinkan dan persaingan untuk mendapat peluang pekerjaan yang bergantung kepada kelas ijazah yang akan diperolehi menyebabkan perkara ini berlaku.

Untuk mengatasi masalah ini perlu ada kesinambungan daripada usaha yang dilakukan di sekolah. Ukuran-ukuran tertentu harus digunakan untuk menilai prestasi pelajar di dalam aktiviti sukan. Satu kaedah yang dilakukan di beberapa universiti tempatan seperti Universiti Sains Malaysia ialah pemberian mata kredit bagi mereka yang terlibat dengan aktiviti sukan.

Pemberian mata kredit ini perlu sebagai pampasan bagi beban yang mereka peruntukan untuk aktiviti sukan. Kelonggaran ini juga perlu memandangkan beban dwifungsi yang dimainkan oleh pelajar-pelajar yang berkenaan. Dengan adanya sistem ini maka keadilan terhadap pelajar yang terlibat dengan sukan dengan tidak terlibat dengan sukan akan terjamin. Namun sistem sedemikian belum lagi dimainkan di Universiti Malaya.

Oleh itu Pentadbiran Universiti mesti mengubah tanggapan dan persepsinya terhadap pendidikan. Adakah wajar menilai pendidikan dan persepsi hidup diukur secara pencapaian akademik sahaja? Pentadbiran Universiti sewajarnya merencanakan kriteria kecemerlangan pendidikan yang lebih liberal dengan menyertakan sukan sebagai salah satu cawangannya.

Dalam hal ini, selaras dengan falsafah Pusat Sukan dan untuk berlaku adil pelajar-pelajar yang menyertai aktiviti sukan perlu dikelaskan kepada kategori berikut :

- i. Pelajar yang cemerlang di dalam aktiviti sukan misalnya mewakili universiti di dalam Asean University Games (AUG), Sukan Asia Tenggara (SEA) dan Sukan Asia.
- ii. Pelajar yang mengambil bahagian di dalam pertandingan misalnya mewakili universiti di dalam Sukan MASUM, pertandingan antara asrama dan Sukan Malaysia (SUKMA).
- iii. Pelajar yang mengambil bahagian untuk rekreasi dan senaman.

Pemberian mata kredit akan didasarkan kepada peringkat pencapaian mereka. Peringkat yang lebih tinggi akan diberikan mata kredit yang lebih banyak dan sebaliknya. Bila status sukan dinaikkan maka pelajar-pelajar akan terdorong untuk mengambil bahagian secara aktif. Mereka yang tidak aktif akan ketinggalan. Oleh itu mereka cuba bersaing dan keadaan ini pula akan menyebabkan universiti menjadi tempat perkembangan bakat-bakat sukan dari sekolah. Dengan cara ini falsafah Pusat Sukan akan dapat dicapai.

4. Perubahan tanggapan dan persepsi pihak yang menduduki Pentadbiran Universiti

Perubahan pandangan terhadap sukan oleh ahli-ahli yang menganggotai Senat dan Majlis Universiti adalah penting. Mereka mestilah lebih bersifat terbuka terhadap kegiatan sukan dan menyedari kepentingannya untuk pembinaan watak pelajar. Memandangkan Pusat Sukan telah menunjukkan inisiatif untuk meningkatkan tahap sukan universiti ini maka sokongan anggota-anggota majlis adalah perlu agar rancangan-rancangan pentadbiran dan pembangunan dijalankan dengan jayanya.

Sokongan berbentuk moral dan kewangan akan meringankan beban yang ditanggung oleh Pusat Sukan. Kewangan yang diperolehi dengan hasil usaha Pusat Sukan patut diberi pengecualian daripada kawalan pihak Bendahari Universiti Malaya. Ini akan mengurangkan sebarang red-tape yang tidak diingini dan mempercepatkan proses pembangunan kemudahan-kemudahan sukan. Sokongan moral juga sangat penting. Kritikan-kritikan mengenai peneraungan pokok patut dihindarkan kerana Pusat Sukan telah memberi jaminan untuk membuat land scape yang baru. Desakan untuk pembinaan asrama baru di tapak hadapan Kompleks Damarisara juga boleh diketepikan. Kawasan berhampiran dengan Asrama Kelapan misalnya boleh digunakan untuk tujuan tersebut. Lagipun kedudukan asrama berhampiran Damarisara tidak praktikal kerana terlalu jauh daripada fakulti.

Pertambahan kemudahan sukan menyebabkan Pusat Sukan memerlukan tambahan pekerja dan kakitangan. Jawatan-jawatan yang disyorkan oleh Pusat Sukan iaitu bahagian pentadbiran dan penyelidikan dan akademik akan menegakkan statusnya sebagai sebuah pusat yang berautonomi. Lebih ramai pekerja-pekerja am diperlukan untuk membersihkan kompleks-kompleks sukan dan kawasan sekitarnya. Oleh Pentadbiran Universiti mesti menambahkan jumlah kakitangandan pekerja am. Kakitangan yang telah lama bekerja perlu diberikan kenaikan pangkat atau peluang belajar di luar negeri dalam bidang pengurusan sukan. Ini sudah tentu akan meningkatkan motivasi dan rasa tanggungjawab pekerja kepada universiti. Bila ada sikap ini, perkhidmatan yang lebih sempurna akan dapat diberikan kepada pelajar.

Perubahan pandangan seperti ini bukan sahaja akan menunjukkan Pentadbiran Universiti mengambil berat tentang sukan tetapi juga akan mengurangkan tekanan-tekanan yang dihadapi oleh Pusat Sukan.

2. Peranan Pentadbiran Fakulti

a. Mengakademikkan sukan

Perakuan nilai sukan sebagai sumber pendidikan telah lama dikenalpasti tetapi adalah amat menghairankan nilai-nilai itu tidak dapat dieksploitkan dan digunakan secara maksima. Bidang-bidang seperti pemakanan sukan, psikologi sukan, pengurusan sukan, sains sukan dan perubatan sukan adalah cabang ilmu.

Cabang-cabang ilmu ini patut dikembangkan dengan mewujudkan kursus-kursus yang berkaitan dengannya di fakulti yang berkenaan sebagai satu kursus pilihan individu seperti berikut:

Pemakanan Sukan dan Perubatan Sukan - Fakulti Perubatan
Pengurusan Sukan - Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran
Sains Sukan - Fakulti Sains
Psikologi Sukan - Fakulti Pendidikan

Bila keadaan ini diwujudkan, pelajar tidak akan menggunakan alasan sukan membebaskan akademik kerana sukan itu sendiri telah menjadi suatu bentuk akademik dan perlu dipelajari untuk lulus peperiksaan. Pengetahuan yang diperolehi oleh mereka melalui kursus-kursus ini akan meningkatkan kefahaman mereka dan memperbaiki prestasi sukan mereka. Misalnya dengan pengetahuan psikologi sukan pelajar akan dapat memberikan tumpuan sepenuhnya kepada permainan. Dengan teknik-teknik latihan yang betul pula pelajar tidak akan mengadu sukan meletihkan atau menyebabkan badan mereka sakit.

b. Mengurangkan tekanan akademik melalui bimbingan

Pentadbiran Fakulti boleh mengadakan pensyarah-pensyarah khas untuk memberi pelajar-pelajar kursus teknik-teknik pembelajaran yang berkesan dari awal-awal lagi. Ini termasuklah cara-cara membaca dengan pantas, mengambil nota sendiri, membuat rujukan, menyediakan bahan, mengatur masa dan cara-cara menghadapi dan menjawab soalan peperiksaan. Semua perkara ini hendaklah diajar secara berkursus. Kemahiran pelajar ini akan menimbulkan perasaan lebih yakin dan mengurangkan keraguan mereka untuk menyertai kegiatan sukan.

Bimbingan juga boleh diberi mengenai penjadualan akademik, pengurusan ketegangan (stress management), pengurusan masa, tuition tambahan bagi athlet-athlet yang agak lemah dalam pelajaran. Perkhidmatan seperti ini sekurang-kurangnya dapat menghindarkan athlet-athlet meninggalkan aktiviti sukan akibat tekanan peperiksaan.

Apabila tiba masa mereka hendak meninggalkan universiti, kursus menulis resume dan menghadapi temuduga hendaklah diadakan. Dengan cara pelajar yang terlibat dengan sukan akan dapat bersedia menggunakan kebolehan mereka dengan sepenuhnya.

c. Melibatkan para pensyarah dalam kegiatan sukan

Para akademik perlu diberi pendedahan kepada kegiatan sukan. Mereka haruslah dilibatkan dengan pelbagai jenis rancangan sukan supaya mereka lebih memahami sukan dan mengiktiraf kegiatan pelajar dalam bidang itu. Keadaan ini wujud di sekolah di mana guru mata pelajaran yang menjadi guru sukan. Guru tersebut menjadi penggalak dan pemberi motivasi kepada pelajar untuk bersungguh-sungguh dalam akademik dan sukan.

Pensyarah boleh dilibatkan di dalam aktiviti sukan melalui beberapa cara:

- i. Fakulti menawarkan kursus-kursus berkaitan sukan seperti Pengurusan Sukan. Pensyarah sendiri mengajarnya.
- ii. Pensyarah menjadi pengerusi kelab-kelab sukan atau pengurus pasukan.
- iii. Pensyarah menjadi jurulatih.

Pensyarah terdiri daripada orang yang intelek. Penglibatannya di dalam sukan akan menggalakkan pelajar sedia berpengetahuan, berfikir dan berkefahaman mengenai sukan di samping merapatkan perhubungan pensyarah dan pelajar yang sekian lama renggang.

Satu lagi cara untuk merapatkan hubungan ini ialah menerusi pertandingan sukan kakitangan dan pelajar di fakulti. Interaksi yang baik di antara mereka akan terjalin melalui aktiviti sukan. Pelajar akan lebih komited terhadap fakulti apabila pensyarah bertindak menggalakkan pelajar menyertai sukan. Ini secara tidak langsung akan meningkatkan partisipasi pelajar dalam aktiviti sukan.

d. Pelepasan cuti untuk aktiviti sukan

Pengecualian dari kuliah, tutorial dan latihan mekanikal hendaklah diberi kepada pelajar yang menyertai kegiatan sukan terutama bila pertandingan diadakan di luar universiti. Pensyarah mesti mengenalpasti pelajar yang terlibat dengan sukan supaya pelajar tersebut tidak ketinggalan di dalam pelajarannya. Kelas-kelas tambahan yang khas boleh diadakan untuk pelajar-pelajar ini.

e. lain-lain peranan

Pentadbiran fakulti juga perlu meneliti semula masa kuliah yang diadakan pada waktu petang di antara jam 6.00 hingga 7.00 malam. Situasi ini wujud kerana pengambilan pengajar dari luar. Oleh itu usaha perlu dilakukan untuk menjadikan pengajar luar tersebut menjadi pengajar tetap supaya mereka dapat mengajar pada siang hari. Selain itu penambahan kakitangan akademik yang dapat mengurangkan kekurangan pengajar. Dengan ini pengajar dari luar tidak diperlukan.

Di samping itu galakan-galakan berbentuk moral dan material juga boleh di beri oleh Pihak Fakulti. Misalnya kehadiran dekan di upacara-upacara sukan di mana pelajar fakulti terlibat akan memberi perangsang kepada pelajar. Pelajar-pelajar yang cemerlang di dalam sukan dan akademik hendaklah diberi hadiah buku untuk menggalakkan mereka terlibat di dalam kedua-dua aktiviti.

Peranan yang dimainkan oleh Pentadbiran Fakulti sebagaimana yang tertera di atas akan dapat menggalakkan pelajar untuk bergiat cergas di dalam aktiviti sukan. Apabila tenaga akademik sendiri memberi galakan seumpama itu maka pelajar sudah tidak ada alasan lagi untuk tidak menyertai kegiatan sukan sehingga ke peringkat cemerlang.

3. Peranan Pentadbiran Asrama

Asrama boleh memainkan peranan yang paling berkesan untuk mencapai falsafah Pusat Sukan kerana ia adalah institusi yang mengelompokkan semua individu di bawah satu unit pentadbiran. Berikut adalah keadaan-keadaan yang melibatkan peranan Pentadbiran Asrama di dalam menggiatkan aktiviti sukan di kampus.

a. Matlamat sukan di asrama mesti dilaksanakan

Pada kebiasaannya setiap asrama mempunyai polisi sukannya sendiri. Polisi yang digunakan berubah-ubah mengikut puak pimpinan JKP Sukan dan beberapa sahaja lain. Oleh itu matlamat kegiatan sukan di asrama asrama tidak jelas dan keadaan ini tidak baik untuk perkembangan sukan di asrama. Tambahan pula polisi yang berbeza ini langsung tidak selaras dengan falsafah yang dikemukakan oleh Pusat Sukan. Bila keadaan ini berlaku maka amat sukar Pusat Sukan ingin mengimplementasikan hasratnya.


Oleh itu diadangkan supaya semua asrama mengamalkan falsafah dan matlamat sukan yang dinyatakan oleh Pusat Sukan. Untuk itu Pusat Sukan perlu menginteraksikan semua JKP Sukan dan Jasmani asrama melalui satu kursus pengenalan kepada falsafah dan matlamat Pusat Sukan. Di dalam kursus itu penerangan dan cara-cara melaksanakan falsafah dan matlamat hendaklah dijelaskan. Para-pengetua asrama mesti memastikan Pengerusi JKP Sukan dan ahli-ahli Lentingannya menghadiri kursus tersebut. Kursus yang akan dijalankan mesti diadakan pada awal semester sebelum semua JKP Sukan dan Jasmani mula berfungsi. Pada akhir kursus sijil-sijil pengiktirafan hendaklah diberikan. Dengan ini diharap setiap asrama akan mempunyai polisi sukan yang selaras dengan falsafah dan matlamat sukan Pusat Sukan.

5. Strategi pelaksanaan polisi sukan

Apabila strategi dan matlamat Pusat Sukan telah dijelaskan beberapa strategi pelaksanaan perlu diamalkan seperti berikut:

1. Membentuk satu organisasi yang kukuh untuk melaksanakan polisi sukan itu. Satu gambaran struktur organisasi diberikan dalam Rajah 7.1 di bawah:

RAJAH 7.1: CARTA ORGANISASI JKP SUKAN DAN JASHANI ASRAMA



Nota: Perlu diambil perhatian bahawa struktur sedemikian telah diubahsuai daripada struktur idaman Pusat Sukan. Dengan mengambil kira had-had sebuah asrama, peranan yang dimainkan oleh setiap bahagian mempunyai hubungan dengan bahagian-bahagian yang sama di Pusat Sukan.

ii. Mengenalpasti peringkat penglibatan pelajar di dalam sukan.

Selaras dengan falsafah Pusat Sukan golongan-golongan berikut hendaklah dikenalpasti dikalangan penghuni asrama ini:

- a. Golongan yang bermain untuk pertandingan.
- b. Golongan yang bermain untuk keseronokan dan kecergasan.
- c. Golongan yang tidak terlibat langsung.

Borang soal selidik hendaklah dikemukakan ketika pelajar-pelajar mendaftar ke asrama untuk mengetahui maklumat-maklumat di atas.

iii. Kriteria pemilihan untuk tinggal di asrama

Kriteria untuk tinggal di asrama perlu dibentuk berdasarkan sumbangan mengikut golongan tadi. Pemberian mata merit mengikut turutan iaitu yang tertinggi untuk yang menduduki golongan (a), kedua tinggi untuk golongan (b) dan seterusnya. Tambahan mata hendaklah diberikan kepada pencapaian yang lebih cemerlang. Misalnya:

Peringkat pertandingan :

- Tidak melibatkan diri	: 0 mata
- Pernah berlatih tetapi tidak terpilih	: 2 mata
- Pemain simpanan	: 4 mata
- Pemain asrama	: 8 mata
- Kapten pasukan asrama	: 10 mata
- Pemain universiti	: 15 mata
- Kapten universiti	: 10 mata tambahan
- Pemain MASUM	: 15 mata tambahan
- Pemain Universiti Asean	: 20 mata tambahan

Apabila kriteria sedemikian dilaksanakan dengan serius maka pelajar-pelajar akan terdorong untuk mengambil bahagian di dalam aktiviti sukan. Semua golongan pelajar akan terlibat di dalam kegiatan sukan. Kesan daripada ini pelajar akan berusaha untuk meningkatkan kemahiran mereka untuk mencapai peringkat yang lebih tinggi. Mereka yang telah pun melibatkan diri dalam pertandingan akan berusaha mencapai peringkat kecemerlangan. Pelajar yang bermain untuk keseronokan dan kecergasan akan melibatkan diri dalam pertandingan manakala pelajar yang tidak melibatkan diri akan mula bermain untuk keseronokan dan kecergasan.

Kriteria yang dicadangkan akan didasarkan dan bukan semata-mata membuat pernyataan. Kriteria ini kerana banyak kriteria yang tertentu. Kriteria yang dicadangkan ini hanya untuk penglibatan dalam sukan sahaja. Namun ianya boleh juga digunakan untuk aktiviti-aktiviti yang lain dengan penubahsuaian syarat-syarat.

iv. Penggalakkan tambahan untuk penglibatan

Pemikhtiroran terhadap kepentingan sukan di asrama mesti dilindungi dengan pemberian galakan tambahan seperti berikut.

- a. Penyediaan kemudahan-kemudahan sukan bersewuan dengan kapasiti asrama misalnya gelanggang bola keranjang, badminton dan bola tampar.
- b. Peruntukan wang yang mencukupi untuk membeli peralatan sukan bagi setiap permainan.
- c. Masa makan di asrama dipanjangkan hingga jam 3.00 malam.
- d. Pasukan yang akan menghadapi pertandingan diberikan makanan khas, peluang tinggal di asrama sewaktu cuti untuk berlatih dan apabila memenangi sesuatu kejohanan penghargaan dalam bentuk majlis jamuan atau pemberian pakaian sukan seperti baju T, kasut dan track suit.
- e. Kriteria pemilihan pemenang-pemenang anugerah sukan bukan sahaja berdasarkan pencapaian pertandingan semata-mata tetapi gumpungan pemain dalam bentuk tenaga kerja, disiplin, daya usaha, kepimpinan, inisiatif, tanggungjawab dan sikap terhadap pasukan.
- f. Pemain-pemain yang berjaya memenangi anugerah sukan diberikan pengecualian menghadiri majlis penganggerahan secara peruma atau dengan capaian bayaran.
- g. Bagi pemain-pemain yang memenangi gelaran Olahragawan dan Olahragawati beberapa penghargaan tambahan harus diberikan seperti pengecualian membayar yuran asrama untuk suku penggal, pemberian bilik individu dan pencetakan nama di papan pameran kejayaan.
- h. Memastikan pencapaian-pencapaian pemain direkodkan di dalam majalah asrama sebagai kenangan dan penghargaan.

c. Pembentukan kelab-kelab sukan di asrama

Sekiranya cadangan-cadangan yang dikemukakan sebelum ini dilaksanakan sudah tentu banyak masa, tenaga dan kewangan akan digunakan. Oleh itu dicadangkan untuk mengurangkan pelbagai rintangan ini pembentuk kelab-kelab sukan adalah penting di peringkat asrama.

Setiap kelab patut mempunyai organisasinya sendiri. Organisasi kelab hendaklah terdiri daripada satu Jawatankuasa Tertinggi dan satu Jawatankuasa Kecil. Jawatankuasa Tertinggi terdiri daripada Lembaga Penasihat (Pengerusi JKP Sukan dan bekas Ketua Pasukan), Ketua pasukan kelab (lelaki dan wanita), setiausaha dan bendahari. Lembaga Penasihat akan membuat rancangan-rancangan kelab dan isinya akan dilaksanakan oleh Ketua pasukan bersama-sama ahli-ahli jawatankuasa kecil. Cadangan ini telah pun dilaksanakan di Asrama Bestari dengan jayanya. (Rujuk lampiran IV)

Melalui pembentukan kelab, beban yang ditanggung oleh JKP Sukan dan Jasmani akan dapat dikurangkan. Kelab akan berusaha mencari punca kewangannya sendiri untuk melakukan aktiviti-aktiviti kelab. Kelab seharusnya dapat membentuk aktiviti dengan mengambil kira semua penghuni. Dengan ini ramai pelajar yang tidak berkebolehan akan menyertai kelab sekarang-kurangnya untuk aktiviti kecerdasan. Misalnya kelab olahraga boleh berfungsi untuk menyediakan pelajar bagi pertandingan dan rekreasi. (Sila rujuk lampiran IV)

Untuk melaksanakan cadangan-cadangan di atas sokongan pengetua asrama dan penyelia asrama adalah amat penting. Sekiranya pengetua asrama dan penyelia asrama mempunyai pandangan yang positif terhadap sukan maka mudah bagi melaksanakan cadangan-cadangan ini. Pengerusi JKP Sukan pula mestilah seorang yang komited terhadap sukan. Sekiranya pengerusi ini mempunyai diri-biri positif sebagai seorang pemimpin dan memahami falsafah dan matlamat Pusat Sukan maka hasrat Pusat Sukan mudah dicapai. Di samping itu sokongan kewangan yang kukuh akan memberikan kelebihan kepada mana-mana asrama yang mengamalkan cadangan-cadangan ini.

4. Peranan pelajar

Berdasarkan analisis data ke atas pelajar baru sesi 1991/92 kesimpulan yang didapati ialah pelajar sanggup menyertai aktiviti sukan tetapi bukan sehingga ke peringkat kecemerlangan. Walaupun pelbagai faktor mempengaruhi pendirian mereka tetapi sekiranya cadangan-cadangan yang dikemukakan untuk komponen-komponen lain dilaksanakan maka pelajar tidak ada alasan untuk tidak melibatkan diri sehingga ke peringkat kecemerlangan.

a. Perubahan sikap

Pelajar harus menyedari kepentingan sukan di dalam hidup mereka. Sukan dapat membentuk perwatakan hidup mereka dan menyediakan mereka untuk menghadapi cabaran masa kerja. Melalui kegiatan sukan pelajar akan lebih bertanggungjawab dan berkeyakinan diri. Mereka juga akan dapat membentuk semangat untuk bersaing dan mahu menang. Sukan akan menjadikan mereka seorang manusia yang mempunyai humor dan fleksibel. Yang paling penting ialah sukan akan menjamin kesejahteraan hidup dan kesihatan mereka. Oleh itu pelajar mesti mengubah sikap negatif mereka terhadap sukan.

Falsafah universiti ialah melahirkan pelajar yang cemerlang dalam semua dimensi perkembangan seperti kemasyarakatan, akademik, kerohanian, sukan dan kebudayaan. Sukan hanya merupakan salah satu daripada dimensi perkembangan itu. Pelajar digalakkan untuk menjadi manusia yang serba-boleh. Untuk berjaya di dalam hidup pelajar-pelajar mesti bersedia dari pelbagai segi perkembangan diri. Tambahan pula bukan semua orang yang akan mempunyai minat yang serupa.

Namun kepentingan sukan tidak boleh diabaikan sama sekali. Sekiranya pelajar mendapati sukan mencapai kecemerlangan, mereka sekurang-kurangnya hendaklah melibatkan diri dalam kegiatan sukan untuk keergasan. Dengan perubahan sikap pelajar ini segala usaha komponen-komponen lain tidak akan menjadi sia-sia.

b. Keperluan untuk pemimpin pelajar

Pengaruh kawan sentiasa mempengaruhi manusia. Dalam hal ini, sekiranya ramai pemimpin pelajar yang berminat dengan sukan diwujudkan masalah penyertaan pelajar dalam aktiviti sukan akan dapat diatasi. Pemimpin pelajar ini akan dapat mempengaruhi pelajar-pelajar lain supaya menyertai aktiviti sukan.


Oleh itu pelajar-pelajar yang berketensia menjadi pemimpin hendaklah dijadikan kapten-kapten permainan sama ada di peringkat asrama atau universiti. Namun adalah penting pemimpin-pemimpin pelajar ini diberikan penghargaan setimpal dengan usaha yang ditaburkan kepada kegiatan sukan di universiti. Misalnya pemimpin-pelajar yang akan tamat tempoh pengajian di universiti hendaklah diberikan sijil pengakuan khidmat mereka kepada Pusat Sukan atau asrama. Di dalam sijil akuan itu hendaklah dinyatakan aktiviti-aktiviti sukan yang telah dikendalikan oleh mereka dan apakah kemahiran kemahiran dan sikap-sikap yang telah dibentuk.

Kemahiran yang patut disebut ialah kemahiran berkomunikasi, berorganisasi, hubungan interpersonal dan membuat keputusan. Sikap-sikap yang patut disebut ialah sikap bertanggungjawab, berkeyakinan diri, berkacidaan dan mahu bertanding. Sijil pengakuan itu hendaklah ditulis dengan bahasa yang elok dan menarik supaya memberi kesan yang positif kepada para-majikan yang membacanya. Dengan penghargaan sedemikian maka ramai pelajar akan berminat dan komited untuk menjadi pemimpin pelajar.

Akan tetapi sekiranya penghargaan yang tidak setimpal diberikan maka amat sukar komitmen daripada pelajar diperolehi. Sebagai contoh dikemukakan lampiran V yang menunjukkan betapa buruknya sebuah surat pengakuan ditulis walaupun pelajar tersebut telah menjalankan pelbagai aktiviti untuk Pusat Sukan. Terdapat pelbagai kesilapan dalam persembahan penulisan dan penggunaan bahasa yang tidak menarik. Di dalam surat tersebut tidak disebut apakah kemahiran yang telah diperolehi oleh pelajar dan sikap yang telah dibentuk melalui aktiviti yang telah disertainya. Surat pengakuan sedemikian seolah-olah tidak menghargai masa dan tenaga yang telah digunakan oleh pelajar tersebut untuk menguruskan kegiatan sukan. Bila keadaan seperti ini berlaku ramai pelajar akan bugar hati dan tidak ingin menguruskan kegiatan sukan. Keadaan ini juga yang menyebabkan ramai pelajar hanya menjadi peserta sukan walaupun di sekolah mereka pernah menguruskan kegiatan sukan.

Selama ini aktiviti sukan di Universiti Malaya tidak begitu berjaya kerana tiada interaksi yang baik di antara setiap komponen yang terlibat di dalam aktiviti sukan. Pusat Sukan gagal menjadi satu sistem interaksi yang baik kerana komponen-komponen itu tidak memainkan peranan masing-masing. Sekiranya cadangan-cadangan yang terdahulu dilaksanakan oleh komponen-komponen tersebut maka mudah bagi Pusat Sukan memainkan peranannya sebagai satu sistem interaksi yang kreatif, dinamik, bertanggungjawab dan saling sokong-menysokong antara komponen-komponen itu. (rajah 7.2)

**RAJAH 7.1 : INTERAKSI DI ANTARA KOMPONEN-KOMPONEN
UTAMA DENGAN PUSAT SUKAN**



—— GARISAN MELAMBANGKAN INTERAKSI YANG KUAT

C. Prospek Pentadbiran dan Pembangunan Sukan di Universiti Malaya

Apabila Pusat Sukan sudah mempunyai bahagian pentadbiran dan bahagian akademik dan penyelidikan maka ia akan layak dipanggil sebagai sebuah pusat. Pembangunan Kompleks Sukan Damansara akan membuka era baru dalam perkembangan sukan golf di kampus. Dengan pelbagai kemudahan lain maka Universiti Malaya akan menjadi tempat yang menggalakkan aktiviti sukan.

Dengan perkembangan sukan ke arah profesionalisme di negara kita maka dijangka Universiti Malaya akan menjadi sebuah institut yang akan memberikan sumbangan kepakaran dalam pelbagai bidang perancangan dan penyelidikan.

Penyelidikan di peringkat awal akan diteraskan kepada beberapa aspek keperluan dalam kampus dan dalam negara secara umum. Bidang penyelidikan tersebut ialah :

- i. Mengapakah sambutan sukan dalam kampus dingin dan apakah langkah-langkah yang boleh diambil ?
- ii. Apakah ciri-ciri sukan prestasi tinggi dan bagaimanakah prestasi sukan dapat ditingkatkan ?
- iii. Psikologi Sukan
- iv. Pengkaedahan latihan sukan
- v. Perubahan sukan
- vi. Pemakanan sukan
- vii. Kegunaan teknologi tinggi sukan

Pusat Sukan juga merancang maklumat-maklumat tempatan yang belum ada lagi seperti berikut:

- i. Budaya sukan
- ii. Dayausaha
- iii. Keimbangan
- iv. Kekuatan
- v. Kelenturan
- vi. Kepantasan
- vii. Ketahanan
- ix. Ketangkasan
- x. Koordinasi

Pada masa sekarang penyelidikan yang sedang dirancang ialah mencari sebab-sebab mengapa ada keluarga-keluarga yang berjaya menghasilkan sekurang-kurangnya dua orang anak mereka yang mewakili negara di peringkat antarabangsa. Soalan-soalan penting yang memerlukan penyelesaian ialah :

1. Kebiasaan latarbelakang keluarga
2. Pendidikan
3. Kemudahan yang disediakan
4. Corak hidup dan hubungan dalam keluarga
5. Sistem ganjaran
6. Sistem motivasi
7. Punca inspirasi
8. Sistem disiplin
9. Makan dan pemakanan
10. Persediaan mental
11. Kawalan emosi
12. Peranan ibu dan bapa
13. Corak latihan
14. Peranan isteri/suami

Keluarga-keluarga yang terlibat dalam penyelidikan ini ialah :

a. Badminton

Keluarga Sidek

- i. Misbun Sidek
- ii. Razif Sidek
- iii. Jaitani Sidek
- iv. Rashid Sidek
- v. Rahman Sidek
- vi. Zamliah Sidik

Keluarga Saha

- i. Eddeeza Saha
- ii. Fredyno Saha
- iii. Davincey Saha
- iv. Diveean Saha

Keluarga Tan

- i. Tan Aik Huang
- ii. Tan Aik Mong

b. Bolasepak

Keluarga Ali

- i. Khalid Ali
- ii. Hanafiah Ali
- iii. Zainal Abidin Ali
- iv. Rahman Ali

c. Hoki

Keluarga Sta Maria

- i. Bryan Sta Maria
- ii. Colin Sta Maria
- iii. Kevin Sta Maria

d. Golf

Keluarga Beluah

- i. Nazamudin Beluah
- ii. Hishamudin Beluah
- iii. Ishak Beluah

e. Renang

Keluarga Ong


- i. Jefferey Ong
- ii. Kstrina Ong

f. Ragbi

Keluarga Maarof

- i. Adnan Maarof
- ii. Annuar Masrof
- iii. Kamarulzaman Maarof

Dengan penyelidikan yang akan diusahakan ini Pusat Sukan akan dapat memberikan maklumat-maklumat yang penting untuk melahirkan jaguh-jaguh sukan di negara ini.



D. Kesimpulan

Sukan adalah sebahagian yang bersepadu dalam proses pendidikan. Universiti Malaya sebagai universiti tertua sewajarnya dapat memainkan peranan yang penting dalam perkembangan ke arah kecemerlangan sukan. Akan tetapi disebabkan matlamat sukan atau tujuan mengadakan aktiviti sukan yang tidak jelas selama ini maka ianya hanya dianggap sebagai aktiviti masa lapang sahaja.

Menyedari kesilapan ini, pada tahun 1990 Pusat Sukan telah mengubahsuai matlamat sukan Universiti Malaya kepada sebuah falsafah Pusat Sukan yang lebih menampakkan ciri-ciri yang merangkumi aspek kemanusiaan dari segi fizikal, mental, sosial dan emosi.

Dalam usaha untuk menjayakan falsafah dan matlamatnya penumpuan telah diberikan kepada penglibatan 100 peratus pelajar. Namun Pusat Sukan menghadapi masalah interaksi dengan komponen-komponen yang terlibat dalam pengelolaan kegiatan sukan iaitu Pentadbiran Universiti, Pentadbiran Fakulti, Pentadbiran Asrama dan pelajar.

Masalah ini adalah akibat tiadanya satu sistem interaksi yang dinamik, kreatif, bertanggungjawab dan saling sokong menyokong di antara komponen-komponen itu. Pusat Sukan sebagai institusi utama yang mengelolakan kegiatan sukan di kampus tidak mendapat sokongan sepenuhnya daripada setiap komponen supaya ia dapat berperanan sebagai sistem interaksi itu. Selama ini kelemahan sistem tersebut telah mengganggu sebarang usaha Pusat Sukan untuk mentadbir dan membangunkan kegiatan sukan.

Daripada analisa data ke atas pelajar-pelajar baru satu persoalan yang cuba dicari jawapannya ialah adakah keadaan di Universiti Malaya yang menyebabkan pelajar-pelajar tidak mengembangkan bakat sukan mereka atau memang ketika memasuki pengajian mereka tidak berminat untuk berkecimpung di dalam kegiatan sukan. Didapati bahawa ramai pelajar yang menunjukkan sikap mahu bermain tetapi bukan untuk kecemerlangan walaupun sewaktu di bangku sekolah mereka telah bergiat cemerlang.

Pusat Sukan telah menyediakan pelbagai rancangan pentadbiran dan pembangunan sukan untuk melibatkan semua pelajar. Oleh itu jika pelajar tidak mengubah sikap negatif mereka maka semua rancangan tersebut akan menjadi sia-sia. Keadaan ini seterusnya akan menyebabkan Universiti Malaya sukar mencapai peringkat kecemerlangan.

Namun pelbagai faktor seperti tekanan akademik, kekurangan galakan dan pemahaman konsep sukan yang salah telah mempengaruhi pendidikan pelajar-pelajar ini. Kesemua faktor ini melibatkan komponen-komponen seperti Pentadbiran Universiti, Pentadbiran Fakulti dan Pentadbiran Asrama.

Maka peranan Pusat Sukan ialah menjadi satu sistem interaksi yang dinamik, kreatif, bertanggungjawab dan saling sokong-menyokong di antara komponen-komponen itu agar sebarang usaha pentadbiran dan pembangunannya dapat dicapai. Untuk itu setiap komponen mesti memainkan peranan masing-masing dengan sebaik mungkin. Apabila setiap komponen menjalankan peranannya maka Pusat Sukan akan dapat menjadi satu sistem interaksi yang baik dan seterusnya menjayakan usaha-usaha pentadbiran dan pembangunan sukan ke arah kecemerlangan.

Di samping itu jika Pusat Sukan dapat menjayakan rancangan-rancangan penyelidikannya maka maklumat-maklumat penting yang diperolehinya akan membantu negara mencapai kejayaan cemerlang di dalam sukan.